PERHILITAN

GARIS PANDUAN DAN SYARAT-SYARAT PERMOHONAN PERMIT PENYELIDIKAN

DILULUSKAN OLEH :

DATO' ABDUL KADIR BIN ABU HASHIM
Ketua Pengarah
Jabatan Perlindungan Hidupan Liar Dan Taman Negara
(PERHILITAN) Semenanjung Malaysia

Tarikh : 20 OGOS 2026

KANDUNGAN

BIL.	TAJUK	MUKA SURAT
1.0	PENDAHULUAN	1
2.0	PEMAKAIAN	1
3.0	TAFSIRAN	4
4.0	KATEGORI PERMIT PENYELIDIKAN	3-6
5.0	TATACARA PERMOHONAN PENYELIDIKAN	7- 8
6.0	TINDAKAN PEMOHON SELEPAS PERMIT PENYELIDIKAN DILULUSKAN	8
7.0	PERANAN RAKAN SAING	9
8.0	PENUTUP	9
9.0	LAMPIRAN	
	LAMPIRAN 1 SENARAI KAWASAN PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR DAN REZAB HIDUPAN LIAR DI BAWAH JABATAN PERHILITAN	10-14
	LAMPIRAN 2 TEMPLATE RINGKASAN PERMOHONAN	15
	LAMPIRAN 3 TEMPLATE PERUBAHAN BUTIRAN PERMIT PENYELIDIKAN	16
	LAMPIRAN 4 CARTA ALIR PERMOHONAN PERMIT PENYELIDIKAN JABATAN PERHILITAN SEMENANJUNG MALAYSIA	17
	LAMPIRAN 5 CARTA ALIR PERMOHONAN PELANJUTAN PENYELIDIKAN DAN PINDAAN BUTIRAN PENYELIDIKAN	18

1.0 PENDAHULUAN

Garis Panduan dan Syarat-Syarat Permohonan Permit Penyelidikan Jabatan PERHILITAN ini adalah sebagai panduan kepada penyelidik-penyelidik sama ada dari Institusi Pengajian Tinggi Awam/ Swasta, agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan yang berdaftar atau mana-mana syarikat perunding yang memohon dari dalam dan luar negara untuk menjalankan penyelidikan melibatkan hidupan liar, rizab hidupan liar dan/atau Kawasan Perlindungan serta di luar kawasan seliaan Jabatan.

2.0 PEMAKAIAN

Garis panduan ini terpakai untuk sebarang aktiviti penyelidikan melibatkan spesies hidupan liar yang termaktub dalam:

i. Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716];
ii. Akta Pemuliharaan Hidupan Liar (Pindaan) 2022 [Akta A1646];
iii. Akta Perdagangan Antarabangsa mengenai Spesies Terancam 2008 [Akta 686];
iv. Akta Taman Negara 1980 [Akta 226];
v. Enakmen Taman Negara Pahang 1939, No.2;
vi. Enakmen Taman Negara Pahang (Pindaan) 1990, No.6;
vii. Enakmen Taman Negara Terengganu 1939, No.6;
viii. Enakmen Taman Negara Kelantan 1938, No.14.
ix. Peraturan-Peraturan Pemuliharaan Hidupan Liar (Fi, Lesen, Permit dan Permit Khas)(Pindaan) 2013
x. Peraturan- Peraturan Taman Negara Pulau Pinang
xi. Kaedah -Kaedah Taman Negara (Pahang) 1951

3.0 TAFSIRAN

"**Hidupan liar**" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [*Akta 716*];

"**Kaedah persampelan**" ertinya aktiviti memilih, mengambil, menangkap, memerhati, merakam, mencerap, menemubual, menanda, atau apa-apa kaedah yang digunakan untuk mendapatkan sampel;

"**Kategori penyelidikan**" ertinya bidang kajian yang berkaitan dengan cadangan penyelidikan yang dilakukan sebagaimana yang dinyatakan di dalam Jadual Kategori Permit Penyelidikan;

"**Kawasan perlindungan hidupan liar**" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [*Akta 716*];

"**Penyelidikan atau kajian**" adalah satu aktiviti penyiasatan atau ujikaji dan pengumpulan data hidupan liar, kawasan perlindungan, dan rizab hidupan liar secara saintifik yang melibatkan penghasilan sebarang bentuk pelaporan atau penerbitan yang boleh dijadikan rujukan.

"**Rizab hidupan liar**" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716];

"**Sampel**" ertinya, bagi maksud hidupan liar termasuk apa-apa data cerapan, spesimen, ekstrak, bahagian atau terbitan, sarang atau telur, komponen, representasi atau hasil sampingan dari apa-apa hidupan liar dan bagi maksud kawasan perlindungan hidupan liar atau rizab hidupan liar termasuk juga apa-apa flora dan fauna atau apa-apa tanih, kayu dan bahan-bahan yang mempunyai kepentingan dari segi kaji bumi, kaji purba, sejarah dan etnologi dan lain-lain kepentingan dari segi sains dan estetik.

4.0 KATEGORI PERMIT PENYELIDIKAN

KATEGORI PERMIT PENYELIDIKAN	DESKRIPSI	CONTOH	BAYARAN (FI)
AKADEMIK	Penyelidikan atau kajian berkaitan dengan pembelajaran (pusat pengajian tinggi dalam dan luar negara)	• Projek Tahun Akhir (FYP) • Master/PhD • Geran Penyelidikan • Ekspedisi/Eksplorasi • Kerja Lapangan/Amali Bagi Pelajar • Kerjasama PERHILITAN dengan IPTA/IPTS – MoU/MoA	Tiada
BUKAN AKADEMIK DAN BUKAN KOMERSIAL	Penyelidikan atau kajian bagi kegunaan konservasi dan pengurusan Jabatan/Agensi Kerajaan	• Pengumpulan Data oleh Agensi Kerajaan/NGO • Kerjasama PERHILITAN dengan Agensi Kerajaan/NGO – MoU/MoA	Tiada
KOMERSIAL	Penyelidikan atau kajian yang memberi nilai pulangan ekonomi	• Environmental Impact Assessment (EIA) / Penilaian Kesan Kepada Alam Sekitar (PKAS) • Farmaseutikal • Kosmetik • Binaan Infrastruktur • Kawalan Biologi • Inovasi	Hidupan Liar Dilindungi (RM100) Hidupan Liar Dilindungi Sepenuhnya (RM200)

KAEDAH PENGAMBILAN SAMPEL DAN DATA	JENIS PENYELIDIKAN	AKTA/ENAKMEN	SUBJEK	KEPERLUAN LESEN/PERMIT	PERINGKAT KELULUSAN
Melibatkan Sentuhan a. Menyentuh b. Mengambil c. Menangkap d. Menanda e. Mengukur	Persampelan	Dalam Kawasan Perlindungan di bawah seliaan Jabatan- Akta 716	Hidupan Liar (Jadual Pertama)	1) Permit Penyelidikan 2) Lesen memburu 3) Lesen Menyimpan(Jika melibatkan pengambilan sampel untuk simpanan penyelidik)	1) Permit Penyelidikan – Ketua Pengarah Jabatan PERHILITAN 2) Lesen Memburu - Pengarah PERHILITAN Negeri 3) Lesen Menyimpan – Pengarah PERHILITAN Negeri
			Hidupan Liar (Jadual Kedua)	1) Permit Khas Penyelidikan 2) Permit Khas Memburu 3) Permit Khas Menyimpan(Jika melibatkan pengambilan sampel untuk simpanan penyelidik)	1) Permit Khas Penyelidikan – Menteri NRES 2) Permit Khas Memburu - Menteri NRES 3) Permit Khas Menyimpan – Menteri NRES
			Bukan Hidupan Liar	Surat Kebenaran	Surat Kebenaran – Ketua Pengarah PERHILITAN

a. Menyentuh b. Menangkap c. Menanda d. Mengukur e. Mengambil – tidak dibenarkan	Persampelan	Dalam Kawasan Perlindungan dibawah seliaan Jabatan- Enakmen Taman Negara	Hidupan Liar (Jadual Pertama)	Permit Penyelidikan	Permit Penyelidikan – Ketua Pengarah Jabatan PERHILITAN
			Hidupan Liar (Jadual Kedua)	Permit Khas Penyelidikan	Permit Khas Penyelidikan – Menteri NRES
			Bukan Hidupan Liar	Surat Kebenaran	Surat Kebenaran – Ketua Pengarah PERHILITAN
a. Menyentuh b. Menangkap c. Menanda d. Mengukur e. Mengambil – tidak dibenarkan	Persampelan	Dalam Kawasan Perlindungan dibawah seliaan Jabatan- Akta Taman Negara	Hidupan Liar (Jadual Pertama)	Permit Penyelidikan	Permit Penyelidikan – Ketua Pengarah Jabatan PERHILITAN
			Hidupan Liar (Jadual Kedua)	Permit Khas Penyelidikan	Permit Khas Penyelidikan – Menteri NRES
			Bukan Hidupan Liar	Surat Kebenaran	Surat Kebenaran – Ketua Pengarah PERHILITAN
Melibatkan Sentuhan a. Menyentuh b. Mengambil c. Menangkap d. Menanda e. Mengukur	Persampelan	Luar Kawasan Perlindungan dan Luar Kawasan Taman Negara	Hidupan Liar (Jadual Pertama)	1) Permit Penyelidikan 2) Lesen memburu 3) Lesen Menyimpan(Jika melibatkan pengambilan sampel untuk simpanan penyelidik)	1) Permit Penyelidikan – Ketua Pengarah Jabatan PERHILITAN 2) Lesen memburu - Pengarah PERHILITAN Negeri 3) Lesen Menyimpan – Pengarah PERHILITAN Negeri

			Hidupan Liar (Jadual Kedua)	1) Permit Khas Penyelidikan 2) Permit Khas Memburu 3) Permit Khas Menyimpan(Jika melibatkan pengambilan sampel untuk simpanan penyelidik)	1) Permit Khas Penyelidikan – Menteri NRES 2) Permit Khas Memburu - Menteri NRES 3) Permit Khas Menyimpan – Menteri NRES
Tidak melibatkan sentuhan Contoh: a. Perangkap kamera b. Pemerhatian secara langsung c. Soal Selidik d. Data sekunder (*Publish & unpublish*) e. *Visual Encounter Surveys* (VES) *f. Point Counts* *g. Drone Surveys* *h. Satellite Imagery* i. Data Kolar GPS j. Pemantauan Bioakustik	Pemerhatian	Dalam Kawasan Perlindungan di bawah seliaan Jabatan	Hidupan Liar	Permit Penyelidikan	Permit Penyelidikan – Ketua Pengarah Jabatan PERHILITAN
			Bukan Hidupan Liar	Surat Kebenaran	Surat Kebenaran - Ketua Pengarah PERHILITAN
		Luar Kawasan Perlindungan dan Luar Kawasan Taman Negara	Hidupan Liar	Permit Penyelidikan	Permit Penyelidikan – Ketua Pengarah Jabatan PERHILITAN

5.0 TATACARA PERMOHONAN PENYELIDIKAN

5.1 PERMOHONAN BAHARU

1. Senarai dokumen yang diperlukan adalah seperti berikut :
   i. Salinan kad pengenalan/passport pemohon.
   ii. Surat permohonan rasmi/emel daripada individu/agensi/universiti.
   iii. Borang template ringkasan seperti di **LAMPIRAN 2.**
   iv. Kertas cadangan penyelidikan hendaklah mengandungi maklumat seperti berikut:

   Maklumat Am Penyelidikan:
   a) Latar belakang penyelidik/ organisasi.
   b) Maklumat penyelidikan penyelidik.
   c) Pembiayaan penyelidikan jika ada.
   d) Pengalaman penyelidik dan rujukan.
   e) Penerbitan hasil penyelidikan oleh penyelidik.

   Maklumat Kertas Cadangan Penyelidikan:
   a) Tajuk.
   b) Objektif.
   c) Metodologi/ Kaedah kajian (sila nyatakan sekiranya kajian ini melibatkan persampelan).
   d) Lokasi penyelidikan.
   e) Jadual perancangan penyelidikan.
   f) Tempoh penyelidikan.
   g) Bagaimana hasil kajian akan membantu dalam pengurusan Jabatan PERHILITAN.

2. Permohonan daripada agensi/institusi pengajian luar negara perlu mendapatkan kelulusan menjalankan penyelidikan daripada Online Research Information Database (ORIDB), Bahagian Ekonomi Makro, Kementerian Ekonomi melalui pautan (https://oridb.ekonomi.gov.my).
3. Semua pemohon WAJIB membuat permohonan *Access and Benefit-Sharing* (ABS) di bawah Akta Akses Kepada Sumber Biologi dan Perkongsian Faedah 2017 [Akta 795] melalui pautan (https://myabs.gov.my).
4. Kesemua dokumen permohonan yang lengkap hendaklah dihantar melalui sistem myPERHILITAN.(https://myperhilitan.wildlife.gov.my/Home2/IndexNew)
5. **Hanya dokumen yang lengkap** akan dibawa kepada Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan Jabatan PERHILITAN untuk diproses.
6. Sebarang keputusan akan dimaklumkan kepada pemohon.

5.2 PERMOHONAN PELANJUTAN TEMPOH PENYELIDIKAN DAN PINDAAN BUTIRAN PENYELIDIKAN

1. Senarai dokumen yang diperlukan adalah seperti berikut :
   i. Surat atau emel permohonan pelanjutan tempoh penyelidikan dan pindaan butiran secara rasmi daripada individu/agensi/ Universiti.
   ii. Borang template ringkasan pelanjutan tempoh penyelidikan dan pindaan butiran seperti di **LAMPIRAN 3.**
   iii. Kertas cadangan berkaitan perlanjutan dan pindaan butiran.
   iv. Permohonan pelanjutan tempoh dan pindaan butiran penyelidikan perlu menyertakan laporan perkembangan penyelidikan yang mengandungi butiran di bawah :
      a) Pengenalan.
      b) Lokasi penyelidikan.
      c) Subjek kajian/jenis sampel yang diambil.
      d) Senarai spesies hidupan liar.
      e) Hasil penyelidikan terkini.

2. Kesemua dokumen permohonan yang lengkap hendaklah dihantar melalui sistem myPERHILITAN.(https://myperhilitan.wildlife.gov.my/Home2/IndexNew).
3. **Hanya dokumen yang lengkap** akan dibawa kepada Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan Jabatan PERHILITAN untuk diproses.
4. Sebarang keputusan akan dimaklumkan kepada pemohon.

6.0 TINDAKAN PEMOHON SELEPAS PERMIT PENYELIDIKAN DILULUSKAN

1. Pemohon hendaklah membayar fi dan mencetak permit penyelidikan secara atas talian melalui sistem myPERHILITAN.
2. Laporan perkembangan penyelidikan hendaklah dihantar pada pertengahan tempoh kajian atau setiap enam (6) bulan dari tarikh kelulusan bagi tempoh penyelidikan yang melebihi satu (1) tahun.
3. Laporan penuh hendaklah dihantar dalam tempoh dua (2) bulan selepas tamat tempoh penyelidikan.
4. Kertas penerbitan saintifik daripada penyelidikan adalah digalakkan diterbit di dalam ***Journal of Wildlife and Parks***.
5. Menghantar salinan tesis/penerbitan hasil penyelidikan kepada Jabatan PERHILITAN dalam masa enam (6) bulan selepas tamat tempoh penyelidikan.

6. Sebarang sampel hidupan liar yang diambil adalah menjadi **hak milik Kerajaan Malaysia** mengikut syarat-syarat dalam permit khas menyimpan/lesen menyimpan yang dikeluarkan oleh Jabatan PERHILITAN.

7.0 PERANAN RAKAN SAING

1. Rakan saing Jabatan PERHILITAN bertanggungjawab:

i. Memantau aktiviti penyelidikan yang dijalankan oleh penyelidik di tapak kajian.
ii. Memantau perkembangan penyelidikan dengan mendapatkan laporan kemajuan daripada penyelidik pada pertengahan tempoh kajian atau setiap enam (6) bulan dari tarikh kelulusan bagi tempoh penyelidikan yang melebihi satu (1) tahun.
iii. Mendapatkan salinan laporan akhir kajian/ penerbitan/ tesis dari penyelidik dalam tempoh enam (6) bulan selepas tamat tempoh penyelidikan.
iv. Memastikan kaedah penyelidikan yang dijalankan oleh penyelidik adalah selari dengan kaedah penyelidikan seperti yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Penyelidikan Jabatan PERHILITAN.
v. Terlibat secara aktif dalam memberikan cadangan atau maklumat yang berkaitan dengan penyelidikan.
vi. Bertindak sebagai penulis bersama dalam penghasilan kertas/laporan penyelidikan yang dijalankan.

8.0 PENUTUP

Semua pemohon Permit Penyelidikan hendaklah mematuhi peraturan-peraturan, perintah atau arahan lain yang berkuat kuasa berkaitan penyelidikan hidupan liar dengan penuh integriti dan tanggungjawab. Kegagalan pematuhan akan menjejaskan permohonan permit penyelidikan di masa hadapan dan jika sabit kesalahan akan dikenakan tindakan undang-undang.

LAMPIRAN 1

Negeri	Bil	Nama Kawasan Perlindungan	Keluasan (ha)	Enakmen & Warta yang Terlibat
Johor	1	Segamat Wildlife Reserve	12,979.54	* The Wild Animals and Birds Protection Enactments (NO. 77), 1937, GN 1252, * Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716]
	2	Endau-Kluang Wildlife Reserve	101,107.15	* The Wild Animals and Birds Protection Enactments, 1923 GN 827, * Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716]
	3	Endau-Kota Tinggi Wildlife Reserve	43,520.10	* The Wild Animals and Birds Protection Enactments, 1923 GN. 828, dan warta keluar; * The Wild Animals And Birds Protection Enactments (NO. 77), 1933 * Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716]
	4	Four Island Wildlife Sanctuary	12.18	* The Wild Animals and Birds Protection Enactments (NO. 77), 1951 GN. 1106, * Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716]
Melaka	5	Rizab Hidupan Liar Tanjung Tuan	74.08	* Ordinan Perlindungan Binatang Liar dan Burong 1955. M.P.U.5 - 5 Januari 1971 * Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716]
	6	Rizab Hidupan Liar Sembilan Pulau	25.14	* Ordinan Perlindungan Binatang Liar dan Burong 1955. MGN .4-4 Feb 0971 * Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716]

Negeri Sembilan	7	Port Dickson Island Wildlife Sanctuary	7.17	* The Wild Animals and Birds Protection Enactment, 1925. No. 5762 - 8 Oktober 1926 * Subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara (Akta 56 tahun 1965) * Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716]
	8	Pusat Santuari Buaya Tembaga	1.38	* Subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara (Akta 56 tahun 1965) No. 335
Pahang	9	Rizab Hidupan Liar Tengku Hassanal	60,551.61	* The Wild Animals and Birds Protection Enactment, 1921. No.3541 - 22 Mei 1923 * Subseksyen 47(a) Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716) No. Warta 2814 * Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716]
	10	Kuala Pahang Birds Sanctuary	1,482.70	* Section 6 (i) Wild Animals and Birds Protection Ordinance, 1955. No Warta 237 * Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716]
	11	Pahang Tua Wildlife Sanctuary	1,335.00	* Section 7 (i) Wild Animals and Birds Protection Ordinance, 1953. No Warta 300 * Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716]
	12	Taman Negara Pahang	248,121.00	* Enakmen Taman Negara Pahang 1939
	13	Tapak RAMSAR Tasek Bera	31,225.09	* Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313) Warta No. 973 - 26 Julai 2007

	14	Rizab Hidupan Liar Pulau Tioman	8,018.85	* Section 52 (i) Wild Animals and Birds Protection Ordinance, 1955. No Warta 380 * Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716]
Kelantan	15	Taman Negara Kelantan	91,440.00	* Enakmen Taman Negara Kelantan 1939
Terengganu	16	Rizab Tuntung Bukit Paloh	1.00	* Enakmen Penyu 1951 (Enakmen Terengganu Bil. 4 Tahun 1951) * Subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara (Akta 56 tahun 1965) No. 756 Tahun 2004
	17	Taman Negara Terengganu	103,082.00	* Enakmen Taman Negara Terengganu 1939
Perlis	18	Rizab Hidupan Liar Wang Pinang	67.94	* Subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [Akta 828] No. 130 - 13 Julai 2023
Kedah	19	Rizab Tuntung Sidam Kanan	1.00	* Enakmen Tuntung 1972 (Bil. 10 1972)
	20	Rizab Tuntung Sungai Bukit Pinang	1.00	* Enakmen Tuntung 1972 (Bil. 10 1972)
Pulau Pinang	21	Taman Negara Pulau Pinang	2,508.00	* Akta Taman Negara 1980
	22	Batu Gajah Wildlife Sanctuary	4.00	* The Wild Animals and Birds Protection Enactment, 1952 (F.M.S. Cap. 193.) GN. 766 -29 April 1952 * Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716]

Perak	23	Santuari Burung Tasek Budiman	995.00	* Subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara (Akta 56 tahun 1965) GN. 865 - 10 Mac 2010
	24	Rizab Tuntung Bota Kanan	6.26	* Subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara (Akta 56 tahun 1965) GN. 518 - 13 Mei 1993
	25	Chior Wildlife Reserve	401.00	* The Wild Animals and Birds Protection Enactment, 1902 (F.M.S. State of Perak) GN. 174 -27 Mac 1903 * Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716]
	26	Sungkai Wildlife Reserve	3,564.40	* The Wild Animals and Birds Protection Enactment, 1925 GN. 3746 - 5 Julai 1934 * Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716]
Selangor	27	Bukit Kutu Wildlife Reserve	1,942.00	* The Wild Animals and Birds Protection Enactment, 1921 GN. 8101 - 22 Disember 1922 * Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716]
	28	Fraser's Hill Wildlife Sanctuary	2,974.00	* The Wild Animals and Birds Protection Enactment, 1921 GN. 897 - 10 Februari 1922 * Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716]
	29	Sungai Dusun Wildlife Reserve	4,330.00	* The Wild Animals and Birds Protection Ordinance, 1955 (No. 2 of 1955) GN. 369 -30 Mei 1964 * Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716]
	30	Klang Gates Wildlife Reserve	114.48	* The Wild Animals and Birds Protection Enactment, 1925 GN. 5862 * Akta Pemuliharaan Hidupan

				Liar 2010 [Akta 716]
	31	Kuala Selangor Hill Wildlife Reserve	44.00	* The Wild Animals and Birds Protection Enactment, 1921 GN. 897 - 5 April 1922 * Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716]
	32	Bukit Sungai Puteh Wildlife Reserve	36.00	* The Wild Animals and Birds Protection Enactment, GN. 8302 - 4 November 1932 * Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716]
	33	Paya Indah Wetlands	450.77	* Subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara (Akta 56 tahun 1965) No. 175 - 17 Februari 1998
Wilayah Persekutuan	34	Bukit Nanas Wildlife Reserve	9.80	* The Wild Animals and Birds Protection Enactment, 1925 GN. 3747 * Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716]
	35	Bukit Sungai Puteh Wildlife Reserve	7.03	* The Wild Animals and Birds Protection Enactment, 1925 GN. 562 - 12 Januari 1932 * Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716]
JUMLAH			**720,440.67**	

LAMPIRAN 2

BORANG TEMPLATE RINGKASAN

PERMOHONAN BAHARU		
BIL	**MAKLUMAT UMUM**	**RINGKASAN PENYELIDIKAN**
1.	**Tajuk Penyelidikan :** xxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxx **Nama Pemohon :** xxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxx **Penyelia/ Rakan Saing :** xxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxx **Agensi :** xxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxx **Jenis Penyelidikan :** Persampelan/Pemerhatian/ Soal selidik/ Kerja lapangan **Kategori Lokasi :** Dalam Kawasan Perlindungan/ Luar Kawasan Perlindungan **Subjek :** Hidupan Liar Jadual Pertama/ Hidupan Liar Jadual Kedua/ Hidupan Liar Tidak Tersenarai Dalam Akta/ Bukan Hidupan Liar (Rujuk Pindaan Jadual 2012) Tempoh & Tarikh Penyelidikan : (nyatakan sekurang-kurangnya bulan/tahun) Contoh : Februari 2020 – Disember 2020	**OBJEKTIF:** 1. 2. 3. **LOKASI :** (Nyatakan lokasi secara spesifik) Contoh : Sungai cacing, Taman Negara Pahang, Tapak RAMSAR **SUBJEK:** **Contoh :** 1.Punai Tanah *(Chalcophaps indica)* 2.Punai Gading *(Treron vernans)* 3.Tiong Mas *(Gracula religiosa)* 4.Ciak Tempua *(Ploceus philippinus)* 5.Tapir (*Tapirus indicus*) **SAMPEL:** *Tiada (Catch and release)/ Sampel darah/ Najis/ Organ/ Kuku/ Kulit/ Bulu* **METODOLOGI:** 1. 2. 3. 4.


LAMPIRAN 3

BORANG TEMPLATE RINGKASAN PELANJUTAN TEMPOH PENYELIDIKAN DAN PINDAAN BUTIRAN

PERMOHONAN PERUBAHAN BUTIRAN PERMIT PENYELIDIKAN		
Tajuk : **Nama Pemohon :** **Agensi :**		
MAKLUMAT PENYELIDIKAN SEDIA ADA	**MAKLUMAT PERUBAHAN PENYELIDIKAN**	
	SEDIA ADA	**PERUBAHAN**
1. Jenis Penyelidikan : Persampelan/Pemerhatian/ Soal selidik/ Kerja lapangan **2. Kategori Lokasi :** Dalam Kawasan Perlindungan/ Luar Kawasan Perlindungan **3. Lokasi :** Contoh : Sungai cacing, Taman Negara Pahang, Tapak RAMSAR **4. Subjek :** Hidupan Liar Jadual Pertama/ Hidupan Liar Jadual Kedua/ Hidupan Liar Tidak Tersenarai Dalam Akta/ Bukan Hidupan Liar (Rujuk Pindaan Jadual 2012) **5. Dokumen Kelulusan :** Permit/Surat Kebenaran **6. Tempoh&Tarikh Penyelidikan :** xxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxx **7. Metodologi :** xxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxx	**Contoh :** Tempoh : 2 tahun (1 Januari 2019-31 Disember 2020) Metodologi : Pengambilan sampel darah bagi 30 ekor buaya Lokasi : PKHL Sungkai, Perak dan Sungai Cacing	**Contoh :** **PELANJUTAN TEMPOH** Tempoh : 1 tahun (1 Januari 2021 – 31 Disember 2022) **PERUBAHAN METODOLOGI** Metodologi : Pengambilan tisu bagi 40 ekor buaya tembaga; dan Pengambilan sampel darah dan tisu biawak air **PERUBAHAN LOKASI** Lokasi : Taman Negara Pahang

LAMPIRAN 4

CARTA ALIR PERMOHONAN PERMIT PENYELIDIKAN JABATAN PERHILITAN SEMENANJUNG MALAYSIA



LAMPIRAN 5

CARTA ALIR PERMOHONAN PELANJUTAN PENYELIDIKAN DAN PINDAAN BUTIRAN PENYELIDIKAN

